

Kongsi Rezeki & Menang

Bermula

Sempena

1 DISEMBER 2022 - 31 DISEMBER 2022

TERMA & SYARAT



Bersama
Rakan
Sinergi



Kempen “KONGSI REZEKI DAN MENANG” dianjurkan oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS) (dirujuk sebagai “LZS”) bermula 1 Disember 2022 hingga 31 Disember 2022 (dirujuk sebagai “Tempoh Kempen”).

KELAYAKAN

- Kempen ini terbuka kepada semua KECUALI warga kerja LZS.
- Untuk menyertai kempen ini, peserta hendaklah mematuhi peraturan berikut:
 - (a) Peserta perlu membuat bayaran zakat harta di mana-mana saluran yang disediakan oleh LZS termasuk ejen-ejen LZS yang bertauliah.
 - (b) Tiada had minimum bayaran zakat yang ditunaikan.
 - (c) Merupakan pembayar zakat baharu atau pertama kali menunaikan zakat di LZS.
 - (d) Setiap peserta berhak untuk satu (1) cabutan.

KATEGORI CABUTAN DAN HADIAH

- Pemenang bagi kempen ini akan dipilih melalui sistem cabutan berkomputer dan dipantau oleh juruaudit LZS. Pemenang akan dihubungi oleh LZS melalui panggilan telefon terkini yang direkodkan di dalam sistem LZS. Peserta bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon, alamat e-mel, alamat surat-menyurat adalah terkini dan dikemaskini dengan LZS.
- Keputusan LZS adalah muktamad dan sebarang bantahan atau surat-menyurat tidak akan dilayan.
- LZS berhak meminta pemenang mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah sebelum penebusan hadiah.
- Pemenang hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. LZS berhak menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah yang sama nilai.
- Sekiranya pemenang dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah yang dianjurkan oleh LZS, pemenang adalah bertanggungjawab ke atas segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis tersebut.
- LZS tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.

SYARAT

- LZS berhak untuk meminda Tempoh Kempen tanpa sebarang notis. Semua penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan dan akan terbatal secara automatik.
- LZS berhak membatalkan mana-mana penyertaan secara automatik jika peserta melanggar terma dan syarat yang ditetapkan tanpa sebarang notis.
- Dengan menyertai kempen ini juga, peserta bersetuju :
 - (a) Untuk membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh LZS selaras dengan Notis Privasi LZS, termasuk untuk aktiviti-aktiviti pemasaran atau promosi.
 - (b) Untuk LZS menerbitkan atau memaparkan nama dan/atau gambar pemenang di dalam media pemasaran, laman sesawang LZS atau lain-lain medium elektronik bagi tujuan publisiti.
- Sebarang terma, syarat dan peraturan yang tidak dipatuhi boleh menyebabkan pemenang tersingkir. Pemenang gantian yang tersenarai akan dipilih sebagai pemenang.
- LZS berhak atas budi mutlaknya, menukar, meminda atau menambah sebarang terma dan syarat, menamatkan atau menggantung dengan memberikan notis bertulis melalui media elektronik atau kaedah lain.

Untuk sebarang pertanyaan, maklumat lanjut
atau maklum balas berkaitan dengan kempen ini,
peserta boleh menghubungi:

TALIAN ZAKAT SELANGOR 1 300 88 4343